



DR FARIDAH ABDULLAH menunjukkan produk yang dihasilkannya.



PARA penyelidik UPM bersama pingat kemenangan masing-masing.

Penyelidikan UPM terus cemerlang

Dengan kemenangan 30 pingat pada MTE 2008, UPM mengukuhkan lagi statusnya sebagai Universiti Penyelidikan. Antara hasil penyelidikan yang mendapat perhatian ialah TricoGreen yang dihasilkan oleh Dr. Faridah Abdullah.



Oleh AHMAD SYUKRAN
ZAINUDDIN

ahmadsyukran.zainuddin@
kosmo.com.my

PADA Malaysia Technology Expo 2008 (MTE 2008), Universiti Putra Malaysia (UPM) nyata cemerlang apabila para penyelidiknyanya berjaya menggondol sebanyak 30 pingat menerusi 35 penyertaan.

Universiti itu berjaya memperoleh 11 pingat emas, tujuh perak dan 12 gangsa, mengatasi pesaing-pesaingnyanya daripada universiti lain seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang membolot 33 pingat (sembilan emas, 10 perak dan 14 gangsa) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang dianugerahkan 7 pingat emas, enam perak dan dua gangsa.

Dalam ucapannya, Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, berkata, pencapaian itu lebih baik berbanding apa yang diperoleh UPM pada MTE 2007 apabila hanya mendapat tiga pingat emas, 13 perak dan lapan gangsa.

"Ini bermakna kejayaan UPM pada MTE 2008 menunjukkan peningkatan

memberangsangkan dan memberi impak positif terhadap status UPM sebagai Universiti Penyelidikan.

"Pengiktirafan ini juga membuktikan bahawa komuniti penyelidik di UPM sentiasa menjadikan kecemerlangan penyelidikan sebagai legasi unggul universiti.

"Malah, ia banyak disumbang oleh hala tuju UPM yang jelas untuk menjadi sebuah universiti tersohor dalam pembangunan ilmu dan penyelidikan berimpak tinggi," kata Nik Mustapha penuh semangat.

Kejayaan itu semakin bermakna lagi apabila salah seorang penyelidiknyanya, Dr. Faridah Abdullah diiktiraf sebagai penerima anugerah The Very Best Award 2008 menerusi produk penyelidikannya yang diberi nama TricoGreen.

Dibangunkan untuk membantu ancaman masalah reput pangkal batang pokok kelapa sawit daripada merebak, produk yang kelihatan seperti baja kompos ini mengandungi kulat *Tricoderma harzanium*.

Mengikut perangkaan, dianggarkan 50 peratus pokok kelapa sawit akan dijangkiti masalah reput pangkal batang pada pusingan hayatnya.

Situasi ini sekali gus meletakkan tanaman komoditi Malaysia yang menjangkau keluasan empat juta hektar itu dalam bahaya.

Jelas Faridah, kulat *Tricoderma harzanium* ini mempunyai dua ciri istimewa iaitu merencatkan pertumbuhan penyakit dan merangsang pertumbuhan.

"Saya memilih nama TricoGreen kerana ia tidak mengandungi bahan kimia. Biasanya, apabila pokok kelapa sawit ini diserang dengan sejenis kulat di bahagian pangkal batang, ia akan hilang kekuatan dan boleh tumbang.

"Jadi, pokok yang ditanam untuk dipungut hasilnya selama 10 hingga 15 tahun tiba-tiba tumbang begitu sahaja. Ia sebenarnya satu masalah besar dalam industri kelapa sawit negara.

"Dimulakan di dalam makmal, cabarannya ialah bagaimana untuk membolehkan kompos ini digunakan di ladang. Maklumlah, mengkultur kulat di dalam makmal, penyelidik hanya menggunakan piring makmal sahaja. Sedangkan dalam industri perladangan, kita perlukan bertantant kulat ini.

